



PENGURUSAN KEMALANGAN KENDERAAN JABATAN

PPjB Khairul Azuwan Bin Ibrahim

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Kebombaan

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

ISI KANDUNGAN

1

ARAHAN, PERINTAH TETAP,
PEKELILING DAN AKTA
BERKAITAN

2

DEFINISI KEMALANGAN

3

FAKTOR-FAKTOR
KEMALANGAN

4

STATISTIK KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN

5

ANALISA PUNCA
KEMALANGAN BAGI TAHUN
2023-2024

6

PERINTAH TETAP KETUA
PENGARAH BILANGAN 3
TAHUN 2020 KEMALANGAN
YANG MELIBATKAN
KENDERAAN JABATAN
(PINDAAN)

7

IMPAK KEMALANGAN
KENDERAAN/ JENTERA
JABATAN TERHADAP JBPM

8

LANGKAH PENCEGAHAN
DAN PENGURANGAN KES
BERKAITAN KEMALANGAN
KENDERAAN

ARAHAN, PERINTAH TETAP, PEKELILING DAN AKTA BERKAITAN

1

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH JBPM

PTKP Bil. 3 Tahun 2020 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan (Pindaan)

2

PEKELILING PERBENDAHARAAN

- WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan
- WP 4.2 Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia

3

PEKELILING PERBENDAHARAAN

AM 2.8 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan : Kehilangan Dan Hapus Kira

4

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

Seksyen 39 ~ Sekatan Keatas Pemandu Muda
Seksyen 40 ~ Melebihi Had Laju
Seksyen 41 ~ Menyebabkan Kematian
Seksyen 42 ~ Memandu Secara Melulu
Seksyen 43 ~ Memandu Tidak Cermat
Seksyen 44 ~ Dibawah Pengaruh Dadah/Alkohol

DEFINISI – Kemalangan ditakrifkan sebagai

Tidak dibentuk dan berlaku secara tiba-tiba menyebabkan:-

Kecederaan

Kerosakkan

Kehilangan yang nyata

03

KEMALANGAN
DITAKRIFKAN

01

Suatu kejadian yang tidak dirancang

02

Tidak diduga



KEMALANGAN

JENIS KEMALANGAN KENDERAAN

Darat



Air



Udara



JENIS PELANGGARAN

Melanggar
Pihak Ketiga

Dilanggar
Pihak Ketiga

Sendiri



BENTUK KEMALANGAN ~ BERTEMBUNG SECARA


Depan /
Belakang

Sisi Kiri /
Kanan

Terbabas /
Kegelinciran




FAKTOR-FAKTOR KEMALANGAN



KAJIAN INI YANG TELAH DIJALANKAN OLEH INSTITIUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) SEBAGAI PUNCA KEMALANGAN.

STATISTIK KEMALANGAN KENDERAAN JABATAN


BIL. KEMALANGAN BAGI TAHUN 2020-2024




Bilangan Kemalangan (Terperinci Mengikut Negeri)																		
Tahun	Johor	Kedah	Kelantan	K. Lumpur	Labuan	Melaka	N. Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	P. Pinang	Putrajaya	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	Ibu Pejabat	Jumlah
2020	1	3	2	5	1	0	3	4	4	2	1	1	3	3	9	2	2	46
2021	2	7	0	0	0	0	4	3	4	0	1	0	0	0	1	0	0	22
2022	1	4	2	3	1	4	1	1	1	0	1	0	3	1	3	0	0	26
2023	2	3	2	1	1	0	1	4	1	0	0	0	2	0	1	4	1	23
2024	1	1	2	1	0	0	2	1	1	1	0	1	0	1	3	2	0	17
Jumlah	7	18	8	10	3	4	11	13	11	3	3	2	8	5	17	8	3	134

STATISTIK KEMALANGAN TAHUN 2023

BILANGAN KEMALANGAN VS JENIS KENDERAAN BAGI TAHUN 2023



KEMALANGAN KENDERAAN JBPM TAHUN 2023



JENIS KEMALANGAN BAGI TAHUN 2023



JUMLAH KERUGIAN




*Jumlah kerugian adalah berdasarkan anggaran kerosakan oleh pihak JKR (Am362b)



SENARAI KEMALANGAN TAHUN 2023									
NEGERI	BALAI	JENIS KENDERAAN	MODEL	NO. PENDAFTARAN	TAHUN	TARIKH	MASA	LOKASI	JENIS KEMALANGAN
Kedah	BBP Sik	Kenderaan Bomba	EMRS	BNG 3649	2023	02/01/2023	17:25	Pengkalan Jeti, Tasik Gubir, Negeri Kedah	Melanggar Pihak Ketiga
Pahang	BBP Gebeng	Kenderaan Bomba	Toyota Hiace (EMRS Nenas)	BNG 6205	2023	06/01/2023	4:17	LPT 2 KM 244.1 Menghala Kuala Lumpur	Dilanggar Pihak Ketiga
KL	BBP TTDI	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BMJ 6940	2023	16/01/2023	9:39	Dari TTDI Susur Keluar ke LDP Menghala Puchong	Dilanggar Pihak Ketiga
Sabah	BBP Lahad Datu	Utiliti	Bot Penyelamat 40hp	BP-73	2023	26/01/2023	0:08	Kampung Tamoi Batu 5, Sepagaya Lahad Datu	Sendiri
Terengganu	BBP Kijal	Utiliti	Toyota Hilux Utiliti	WUJ 6401	2023	31/01/2023	8:20	Ajil Ra 2.6 Lebuhraya Pantai Timur 2 (Susur Tol Ajil)	Sendiri
Kedah	BBP Alor Setar	Kenderaan Bomba	Water Tanker Scania	BMP 6845	2023	21/02/2023	12:10	KM 43.6 Lebuhraya Utara Selatan, Arah Selatan, Alor Setar	Dilanggar Pihak Ketiga
Kedah	BBP Sik	Utiliti	Toyota Hilux Utiliti	WC 7750 F	2023	01/03/2023	14:45	KM 48.8, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Arah Selatan	Dilanggar Pihak Ketiga
Selangor	BBP Selayang	Kenderaan Bomba	Water Tanker Scania	BMN 4028	2023	01/03/2023	12:00	Susur Jalan Keluar Hospital Selayang	Melanggar Pihak Ketiga
Perak	BBP Sungai Siput	Utiliti	Mitsubishi Triton	VDR 2603	2023	16/04/2023	10:45	Laluan Muhibbah 1, Taman Muhibbah, 31100 Sungai Siput	Melanggar Pihak Ketiga
Pahang	BBP Pekan	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BMK 8125	2023	01/05/2023	16:30	Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Sultan Abu Bakar, Pekan	Dilanggar Pihak Ketiga
Terengganu	BBP Al-Muktafi Billah Shah	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	WTY 7194	2023	17/06/2023	11:47	Jalan Kuala Jengal Menghala ke Jongok Batuk, Dungun, Terengganu	Sendiri
Terengganu	BBP Cheneh	Kenderaan Bomba	LFRT Artego	BJT 8409	2023	26/06/2023	13:14	Jalan Jerangau -Jabor, Cheneh, Kemaman, Terengganu	Sendiri
Pahang	BBP Gebeng	Utiliti	Toyota Hilux Utiliti	WC 7793 F	2023	25/07/2023	19:00	Behampiran Stesen Minyak Five Sungai Ular, Jalan Kuantan Kemaman	Dilanggar Pihak Ketiga
Kelantan	BBP Pasir Mas	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BLW 6630	2023	08/08/2023	21:48	Berhadapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Lemal Pasir Mas Kelantan	Melanggar Pihak Ketiga
Kelantan	BBP Pengkalan Chepa	Utiliti	Nissan Urvan	WUM 4456	2023	17/08/2023	12:30	Jln Kota Bharu - Setiu Kuala Terengganu	Melanggar Pihak Ketiga
Johor	BBP Batu Pahat	Kenderaan Bomba	FRT J1-43	BLX 4658	2023	21/09/2023	23:08	Persimpangan Jalan Bakau Condong, Batu Pahat, Johor	Sendiri
Johor	BBP Johor Jaya	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BLU 8032	2023	26/09/2023	17:48	Persimpangan Jalan Mutiara Emas Putih, Taman Mount Austin	Dilanggar Pihak Ketiga
Ibu Pejabat	ABPM Wakaf Tapai	Utiliti	Toyota Hilux Utiliti	WUH 2579	2023	08/10/2023	17:15	Jalan Keramat Pulai, Perak	Dilanggar Pihak Ketiga
Negeri Sembilan	BBP Jelebu	Utiliti	Toyota Hilux Utiliti + Bot Aluminium	WC522G & BP55	2023	23/10/2023	13:50	Jalan Lingkaran Tengah Seremban Menghala ke Seremban 2	Dilanggar Pihak Ketiga
Pahang	BBP Pekan	Utiliti	Toyota Hilux	WA 1461 V	2023	09/11/2023	18:00	KM 3 Jambatan Sultan Abu Bakar, Jalan Pekan-kuantan, Pahang	Melanggar Pihak Ketiga
Labuan	BBP Labuan Sentral	Kenderaan Bomba	Kawasaki Versys	VDP 763	2023	12/11/2023	16:56	Jalan Kampung Jawa (Berdekatan lampu isyarat)	Sendiri
Sabah	IP Negeri	Utiliti	Mitsubishi Triton	VDL 2295	2023	06/12/2023	12:10	Jalan Kg Segaliut Jalan Telupid-Kota Kinabatangan	Sendiri
Terengganu	Zon 2	Utiliti	Mitsubishi Triton	VGR 9776	2023	24/12/2023	12:30	KM 395.8, Lebuhraya Pantai Timur Mengahala Exit Bukit Besi	Sendiri

STATISTIK KEMALANGAN TAHUN 2024


BILANGAN KEMALANGAN VS JENIS KENDERAAN BAGI TAHUN 2024



JENIS KEMALANGAN BAGI TAHUN 2024



KEMALANGAN KENDERAAN JBPM TAHUN 2024



JUMLAH KERUGIAN




*Jumlah kerugian adalah berdasarkan anggaran kerosakan oleh pihak JKR (Am362b)
* Data kerugian adalah sehingga April 2024



SENARAI KEMALANGAN TAHUN 2024									
NEGERI	BALAI	JENIS KENDERAAN	MODEL	NO. PENDAFTARAN	TAHUN	TARIKH	MASA	LOKASI	JENIS KEMALANGAN
Negeri Sembilan	BBP Senawang	Utiliti	Lori Isuzu	WA4443Y	2024	08/01/2024	15:17	Simpang Empat Indah Water, Taman Tuanku Jaafar, 71450 Seremban	Melanggar Pihak Ketiga
Terengganu	BBP AMBS	Utiliti	Bot Penyelamat	-	2024	07/02/2024	18:17	Jambatan Pulau Sekati, Kuala Terengganu	Melanggar Pihak Ketiga
Selangor	BBP Sg. Pinang	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BGQ 6780	2024	29/01/2024	10:56	Batu 2 1/4, Jalan Kapar, Klang	Melanggar Pihak Ketiga
Putrajaya	Ibu Pejabat Negeri	Utiliti	Toyota Fortuner	WA 7075 V	2024	07/02/2024	14:15	Jalan Diplomatik 2, Present 15, Wilayah Persekutuan Putrajaya	Melanggar Pihak Ketiga
Kelantan	BBP Kuala Krai	Kenderaan Bomba	EMRS	BMS 7097	2024	18/03/2024	17:03	Jalan Kuala Krai Gua Musang, Kelantan	Melanggar Pihak Ketiga
Kelantan	BBP Jeli	Utiliti	Toyota Hilux	WA9567V	2024	20/03/2024	21:15	Jalan Penglima Bayu Jeli, Kelantan	Melanggar Pihak Ketiga
Perak	BBP Pengkalan Hulu	Utiliti	Toyota Hilux	WA 1574V	2024	04/01/2024	10:25	Jalan Timur-Barat , berhampiran Maktab Rendah Sains Mara (MRSM Gerik) Bukit Nasah, Gerik, Perak	Dilanggar Pihak Ketiga
Sarawak	BBP Tabuan Jaya	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BMF 1029	2024	03/04/2024	7:47	Jalan Permat menuju ke Jalan Pelabuhan berhadapan Pusat Mel Kuching, sebelum simpang empat lampu isyarat	Melanggar Pihak Ketiga
Terengganu	BBP Kuala Terengganu	Utiliti	Nissan Urvan	WUM 4261	2024	20/04/2024	9:30	Lampu Isyarat Kampung Padang Nenas menghala ke Batu Rakit.	Melanggar Pihak Ketiga
Selangor	BBP Kajang	Utiliti	Mitsubishi Triton	VDR 2665	2024	22/04/2024	1:27	Jalan Kajang ke Sungai Long, Selangor	Sendiri
Kedah	BBP Jitra	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	BMF 1022	2024	24/04/2024	10:30	Di hadapan BBP Jitra	Dilanggar Pihak Ketiga
Perlis	BBP Padang Besar	Kenderaan Bomba	Water Tanker Prime Mover	BMP 3549	2024	04/05/2024	8:30	BBP Padang Besar	Sendiri
Selangor	BBP Klang Selatan	Utiliti	Isuzu Dmax	WXN 9261	2024	07/05/2024	15:05	Lebuhraya NKVE KM19.8	Dilanggar Pihak Ketiga
KL	BBP Setiawangsa	Kenderaan Bomba	LFRT Artego	BJV 6094	2024	13/05/2024	11:07	Berhadapan The Intermark Mall, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur	Sendiri
Negeri Sembilan	BBP Port Dickson	Kenderaan Bomba	EMRS	BMT 1051	2024	15/05/2024	9:00	Jalan Lukut Sepang berhampiran persimpangan Kg Site C, Tanah Merah Lukut	Dilanggar Pihak Ketiga
Pahang	BBP Maran	Kenderaan Bomba	FRT Scania P310	WTY 7189	2024	03/06/2024	13:05	Hadapan Stesen Minyak Petronas Maran, Jalan Maran-Kuantan	Melanggar Pihak Ketiga
Johor	BBP Pasir Gudang	Utiliti	Toyota Hilux	WA 6357 V	2024	05/06/2024	22:31	Jalan Kota Masai, Pasir Gudang	Melanggar Pihak Ketiga


ANALISA PUNCA KEMALANGAN BAGI TAHUN 2023-2024



**PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH
BILANGAN 3 TAHUN 2020
KEMALANGAN YANG MELIBATKAN
KENDERAAN JABATAN (PINDAAN)**

PELAKSANAAN

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2020 KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN (PINDAAN)



PELAKSANAAN

TINDAKAN AWAL PEMANDU APABILA BERLAKU KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN

Melaporkan kejadian kemalangan tersebut ke balai polis berhampiran di dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;



PELAKSANAAN

LAPORAN AWAL

TINDAKAN KETUA JABATAN

01

Memberi laporan secara lisan dengan serta merta dan laporan bertulis kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, dan dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.

02

Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera Negeri hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pengarah Kejuruteraan Jentera juga dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;

03

Laporan Awal Kemalangan Kenderaan Jabatan oleh Ketua Jabatan Borang-LAKK 1/13 hendaklah dikemukakan dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku.

04

Menyampaikan maklumat-maklumat berikut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kemalangan;

- Laporan PDRM beserta gambar-gambar;
- Mengisi Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Kerajaan Borang AM 362A (Lampiran 'A');
- Laporan jurutera yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendapat seperti Laporan Jurutera Jentera;
- Borang Laporan Kerosakan Am 362B (Lampiran 'B');
- Laporan Awal Kemalangan Kenderaan (Borang - LAKK 1/13) Jabatan oleh Ketua Jabatan yang telah diisi (Lampiran 'C')
- Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan; dan (jika ada)
- Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan (contoh salinan kad pengenalan / lesen memandu dan geran kenderaan orang awam yang terlibat dengan kemalangan tersebut)
- Sesalinan maklumat-maklumat berkaitan juga hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Ibu Pejabat untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

PERKARA YANG PERLU DIAMBIL TINDAKAN!

- Memastikan bahawa kenderaan yang rosak diperiksa oleh pihak J.K.R.
 - Dapatkan nilai kerosakan akibat kemalangan tersebut.
- Mendapatkan laporan polis mengenai kemalangan tersebut.

PELAKSANAAN

PENUBUHAN PASUKAN PENYIASAT KEMALANGAN

KEMALANGAN KENDERAAN JABATAN DI IBU PEJABAT

Bagi semua jenis kemalangan kenderaan jabatan di Ibu Pejabat JBPM.

Satu pasukan penyiasat kemalangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai kanan jabatan dan seorang (1) pegawai kanan kejuruteraan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat.

Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Ibu Pejabat akan bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut.

PENUBUHAN PASUKAN PENYIASAT KEMALANGAN

KEMALANGAN KENDERAAN JABATAN DI NEGERI

Bagi semua jenis kemalangan kenderaan jabatan di negeri, suatu siasatan dalaman peringkat negeri hendaklah dimulakan di dalam tempoh dua (2) hari selepas kemalangan berlaku dan laporan pasukan penyiasat kemalangan sebanyak tiga (3) salinan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Ibu Pejabat di dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh siasatan selesai untuk tindakan lanjut.

1. PASUKAN PENYIASAT KEMALANGAN NEGERI

- Kos pembaikan di bawah lima puluh ribu (RM50,000.00)
- Satu pasukan penyiasat hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Pengarah Negeri seperti berikut:
 - Timbalan Pengarah Negeri (Pengerusi)
 - Penolong Pengarah Operasi Negeri/ Pegawai kanan jabatan (Ahli),
 - Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan (Ahli)/ Pegawai kanan kejuruteraan
- Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Negeri akan bertindak sebagai Urusetia Negeri dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut.

2. PASUKAN PENYIASAT KEMALANGAN IBU PEJABAT

- Anggaran kos pembaikan melebihi lima puluh ribu (RM50,000.00) atau melibatkan isu sensitif seperti kematian sama ada daripada kalangan anggota atau orang awam
- Satu pasukan penyiasat hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat.
 - Dua (2) orang pegawai kanan jabatan dan seorang (1) pegawai kanan kejuruteraan
- Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Ibu Pejabat akan bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut

PELAKSANAAN TINDAKAN URUSETIA

URUSETIA NEGERI

Membantu melaksanakan tindakan awal seperti pada perkara 4.2 Tindakan Ketua Jabatan.

Mengeluarkan surat lantikan pasukan penyiasat kemalangan peringkat negeri dalam dua (2) hari dari tarikh kemalangan berlaku.

Menerima laporan lengkap dari pasukan penyiasat kemalangan yang mengandungi butiran-butiran seperti yang diperincikan di Senarai Semak Laporan Penyiasatan Kemalangan Kenderaan - Lampiran 'G'.

Menghantar tiga (3) salinan laporan lengkap siasatan berwarna ke Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan berlaku.

Mengambil tindakan lanjut berdasarkan surat yang diterima daripada Urusetia Ibu Pejabat setelah selesai ulasan diterima daripada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

Merekodkan semua maklumat ke fail kemalangan kenderaan jabatan.

URUSETIA IBU PEJABAT

Mengeluarkan surat lantikan pasukan penyiasat kemalangan peringkat ibu pejabat.

Menerima laporan lengkap dari pasukan penyiasat kemalangan yang mengandungi butiran-butiran seperti yang diperincikan di Senarai Semak Laporan Penyiasatan Kemalangan Kenderaan - Lampiran 'G'.

Mendapatkan ulasan penuh daripada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

Merekodkan semua maklumat ke fail kemalangan kenderaan jabatan.

Menyiapkan minit ringkas laporan kemalangan jabatan termasuk tarikh, masa, alamat kemalangan, maklumat pemandu, maklumat kenderaan, maklumat kerosakan, syor pasukan penyiasat kemalangan untuk semakan dan ulasan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

Mengeluarkan surat / memo bagi tindakan lanjut kepada Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat, Pengarah Bahagian Kejuruteraan dan Pengarah Negeri.

PELAKSANAAN

JAWATANKUASA PENYIASATAN KEMALANGAN

1

Penyiasatan Kemalangan Kenderaan Jabatan boleh menggunakan Borang – LAKK 2/99 sebagai panduan Jawatankuasa Penyiasatan Kemalangan.

3

Pasukan Penyiasatan Kemalangan hendaklah memulakan siasatan dalam tempoh dua (2) hari selepas kemalangan berlaku dan laporan pasukan penyiasat kemalangan sebanyak tiga (3) salinan berwaran hendaklah dikemukakan segera kepada Urusetia Negeri / Urusetia Ibu Pejabat dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh siasatan selesai untuk tindakan lanjut.

5

Penyiasatan kemalangan kenderaan jabatan boleh juga menggunakan Borang Perakaman Keterangan Kemalangan Kenderaan Bagi Saksi-Saksi iaitu Borang-PKKKS (Lampiran 'F') sebagai panduan penyiasatan kemalangan yang dijalankan.



2

Laporan siasatan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dalam masa dua (2) minggu selepas tarikh siasatan selesai.

4

Penyiasatan kemalangan kenderaan jabatan boleh menggunakan Borang Soal Siasat Kemalangan Kenderaan bagi Pemandu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu Borang-SSKK (Lampiran 'E') sebagai panduan penyiasatan kemalangan yang dijalankan.

PELAKSANAAN



LAPORAN SUKU TAHUN KEMALANGAN KENDERAAN JBPM

- Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat kemalangan kenderaan jabatan pada atau sebelum 7 haribulan setiap suku tahun (pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober) kepada Urusetia Ibu Pejabat.
- Maklumat kemalangan kenderaan jabatan hendaklah menggunakan format Laporan Bulanan Kemalangan Kenderaan JBPM - LKK 2/13 (Lampiran 'D').



PEMBAIKAN KENDERAAN

- Tiada sesiapa dibenarkan sama sekali membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan sehingga urusan yang berkaitan selesai dijalankan.
- Kebenaran pembaikan kenderaan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Urusetia Ibu Pejabat.



TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PEMANDU

- Semua pemandu yang terlibat dengan kemalangan boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalanraya.
- Tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang didapati bersalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.


IMPAK/ IMPLIKASI KEMALANGAN KENDERAAN/ JENTERA JABATAN TERHADAP JBPM

KEROSAKKAN JENTERA

Kemalangan boleh menyebabkan kerosakan terhadap jentera JBPM, yang boleh mengakibatkan jentera tersebut tidak dapat digunakan untuk tugas-tugas kecemasan. Ini boleh memberi kesan kepada kesediaan dan kecekapan dalam menyediakan bantuan ketika diperlukan.

KESEDIAAN DAN RESPON KECEMASAN

Kemalangan yang melibatkan jentera JBPM boleh mengurangkan kapasiti untuk merespon kecemasan lain.



KEHILANGAN NYAWA ATAU KECEDERAAN ANGGOTA

Kemalangan yang melibatkan jentera JBPM boleh menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan dalam kalangan anggota bomba atau orang awam. Kecederaan serius yang dialami anggota JBPM boleh mengganggu operasi dan perkhidmatan JBPM. Manakala kemalangan melibatkan orang awam boleh mengakibatkan tuntutan dari pihak ketiga (orang awam)

KOS PEMBAIKAN DAN PENGANTIAN

Kemalangan atau kejadian yang merosakkan jentera JBPM boleh mengakibatkan kos yang tinggi untuk membaiki atau menggantikan jentera yang rosak. Ini termasuk kos untuk memperbaiki kerosakan mekanikal, elektrik, atau struktural yang dialami oleh jentera semasa kejadian.

LANGKAH PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN KES BERKAITAN KEMALANGAN KENDERAAN

01	Memberi kesedaran kepentingan aset-aset jabatan secara berkala/ terus kepada pemandu-pemandu melalui taklimat atau secara bersemuka tentang kekurangan kepada jabatan sekiranya berlaku kemalangan kenderaan.
02	Bagi kenderaan berat atau bersaiz besar, pemandu perlu mendapatkan bantuan dari penyelia dalam pengendalian kenderaan mengundur dengan selamat.
03	Tahap kesihatan dan kesiapsiagaan pemandu perlu di tahap yang tertinggi. Pemandu perlu memberi tumpuan, kesihatan dan rehat yang cukup supaya tumpuan dan fokus dapat diberi semasa pemanduan.
04	Pemandu jabatan hendaklah bersikap toleransi, simpati serta bersabar dalam pemanduan. Sihat-sifat ini hendaklah diterapkan dalam pemanduan kerana ketidaksabaran boleh menjejaskan imej jabatan sebagai satu pasukan penyelamat bukanlah sebagai penyebab berlakunya kemalangan.
05	Digesa pegawai secara langsung memberi arahan dan peringatan lisan serta memperingat di dalam panggilan baris atau di dalam agenda mesyuarat di peringkat balai.

SEKIAN, TERIMA KASIH

PENGURUSAN KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN

